



SYARAT-SYARAT LESEN ANJING

1. Lesen ini dikeluarkan mengikut Undang-undang Kecil Pelesenan Anjing dan Rumah Pembibakan Anjing (Majlis Daerah Kuala Langat) 2007.
2. Lesen ini tertakluk kepada bayaran fi yang ditetapkan oleh MDKL dari semasa ke semasa.
3. Lesen ini sah laku dari tarikh pembayaran sehingga 31 Disember tahun pembayaran.
4. Lencana pengenalan anjing yang dikeluarkan oleh Majlis hendaklah dipakai di leher anjing pada setiap masa.
5. Kegagalan memakaikan kolar dan kegagalan mempamerkan lesen semasa pemeriksaan dijalankan adalah satu kesalahan.
6. Keluasan premis pemeliharaan anjing tertakluk kepada berikut :

Keluasan premis	Jumlah maksima anjing
Kurang dari 1,000 meter persegi	2 ekor
Lebih dari 1,000 meter persegi	4 ekor

7. Hanya premis tingkat bawah sahaja dibenarkan. Bangunan bertingkat tidak dibenarkan kecuali tingkat bawah.
8. Pemilik lesen hendaklah menjaga kebersihan anjing, rumah pemeliharaan dan persekitaran. Rumah anjing hendaklah berada di belakang premis dan tapak rumah anjing hendaklah disimen.
9. Anjing hendaklah sentiasa diikat dan memakai sarung mulut (muzzle) apabila dibawa keluar kawasan premis dilesenkan.
10. Pemilik anjing bertanggungjawab memastikan anjing dilesenkan tidak menyalak yang tidak henti-henti, merayau di luar kawasan premis dilesenkan, menggigit atau mengganggu orang awam.
11. Pemilik lesen adalah dilarang untuk menganiaya atau menzalimi anjingnya.
12. Pemilik anjing diminta menyediakan dan mempamirkan papan tanda “**AWAS- ADA ANJING DI SINI**”
13. Pemilik lesen hendaklah membawa anjingnya kepada doktor veterinar untuk diperiksa mengikut kaedah-kaedah yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan.
14. Pihak Majlis boleh mengeluarkan arahan lisan atau bertulis dari semasa ke semasa.

PERINGATAN

****Segala arahan daripada Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis ini yang diberi kuasa hendaklah dipatuhi dari masa ke semasa.**

Disediakan Oleh :

Jabatan Pelesenan dan Kesihatan Persekutaran
Majlis Daerah Kuala Langat